

SOALAN NO. 59

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR DATO' KESAVADAS
A/L A.ACHYUTHAN NAIR**

TARIKH : 9 SEPTEMBER 2020 (RABU)

SOALAN NO. 59

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah kesesakan dan kemalangan jalan raya di negara ini dengan mengambil contoh negara maju yang telah bergerak ke arah sistem kereta api bandar yang efisien.

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kerajaan sentiasa prihatin dengan masalah kesesakan dan kemalangan jalan raya di negara ini. Di antara langkah yang dijalankan oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di negara ini adalah melalui peningkatan penggunaan pengangkutan awam di kalangan orang ramai. Penggunaan pengangkutan awam ini secara langsung akan mengurangkan kenderaan persendirian di atas jalan raya dan seterusnya dapat mengurangkan masalah kesesakan serta risiko kemalangan jalan raya.
2. Bagi tujuan tersebut, pelbagai inisiatif telah dijalankan oleh Kerajaan dimana pelaksanaannya merangkumi semua mod pengangkutan awam darat seperti perkhidmatan bas, teksi, rel bandar dan yang terkini, *e-hailing*. Kerajaan telah memperkenalkan inisiatif penjimatan kos tambang pengangkutan awam melalui Pengenalan Pas Bulanan Tanpa Had MY100,MY50,Pas Mutiara Penang dan terbaru MY30 bagi perkhidmatan rel dan bas RapidKL supaya menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam sebagai alternatif utama dan ia sekali gus mengurangkan kesesakan jalanraya di bandar-bandar.
3. Di samping itu juga bagi memastikan kesalinghubungan pengangkutan awam di kawasan bandar dan petempatan penduduk, Kerajaan telah menambahbaik liputan kawasan perkhidmatan pengangkutan awam melalui perkhidmatan bas percuma GoKL dan

SOALAN NO. 59

juga dengan pemantauan kekerapan perkhidmatan bas melalui MY Bas di bawah program Stage Bus Services Transformation (SBST) di Seremban, Kangar, Ipoh dan Kuala Terengganu.

4. Kerajaan juga telah memperkenalkan program Dana Sokongan Bas Berhenti-henti (ISBSF) di Seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak bermula sejak tahun 2012. ISBSF diwujudkan bagi membantu pengendali bas berhenti-henti menampung kos operasi harian terutamanya di kawasan luar bandar supaya perkhidmatan bas berhenti-henti dapat meneruskan operasi walaupun dengan peningkatan kos dan kerugian yang dialami kerana laluan kurang penumpang. Dengan dana ISBSF ini, operasi perkhidmatan bas berhenti-henti di kawasan luar bandar tidak terjejas dan pengguna di tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan khidmat pengangkutan awam ini.

5. Bagi industri teksi dan industri *e-hailing*, Kerajaan telah melaksanakan penambahbaikan bagi kemudahan pengguna dalam memilih teksi dan *e-hailing* sebagai salah satu mod pilihan bagi mengatasi masalah kesesakan dan kemalangan jalan raya di negara ini.

6. Bagi kawasan sekitar Lembah Klang / Kuala Lumpur pula, Kerajaan telah menjalankan projek-projek bagi meluaskan liputan rangkaian rel bandar sebagai salah satu langkah untuk meningkatkan perkongsian mod (*mode share*) pengangkutan awam. Sebanyak 85 km tambahan jajaran rel bandar telah dilaksanakan di bawah Program Sambungan LRT (34 km) yang mula beroperasi pada tahun

SOALAN NO. 59

2016 dan penyiapan Laluan MRT Kajang – MRT1 (51 km) yang beroperasi sepenuhnya pada tahun 2017.

7. Dalam masa beberapa tahun lagi, sebanyak 95.1 km rel bandar akan ditambah ke dalam rangkaian rel di Lembah Klang / Kuala Lumpur. Projek MRT Putrajaya (MRT2) sejahter 57.3 km dijangka siap sepenuhnya menjelang Januari 2023, manakala projek LRT3 sejahter 37.8 km pula dijangka siap sepenuhnya menjelang Februari 2024.

Sekian, terima kasih.